

MODUL PINTAS 2026

TINGKATAN LIMA



SET 1

1103/1

BAHASA MELAYU**Kertas 1****Peraturan Pemarkahan**

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

AMARAN

Peraturan pemarkahan ini **SULIT**. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa bentuk media.

Peraturan pemarkahan ini mengandungi 18 halaman bercetak.

KERTAS 1**Markah penuh : 100 markah****1.0 Tujuan Pengujian:** Untuk menguji kebolehan calon dalam;

- 1.1 Membina, mengumpul, memilih dan menyusun atur idea-idea, hujah-hujah dan bahan-bahan yang berkaitan dengan tajuk karangan.
- 1.2 Melahirkan idea, pendapat, hujah, pengalaman dan perasaan dengan bahasa yang jelas dan berkesan.
- 1.3 Menguasai teknik mengarang pelbagai bentuk karangan dan menggunakannya untuk pelbagai tujuan, menguasai penggunaan perenggan-perenggan dan tanda-tanda baca pada tempat-tempat dan keadaan yang sesuai.
- 1.4 Menulis dengan bahasa yang kemas, lancar dan jelas, struktur ayat yang betul dan gaya bahasa yang menarik serta bersesuaian dengan tajuk karangan.

2.0 Langkah-langkah Pemeriksaan

- 2.1 Pemeriksa hendaklah membaca setiap karangan dengan teliti untuk mendapatkan kesan daripadanya, selepas itu menilai dan menganggarkan tahap karangan itu agar dapat dimasukkan ke dalam peringkat tertentu mengikut kriteria yang ditetapkan.
- 2.2 Pemeriksa membaca karangan itu kali kedua sambil menurunkan tanda-tanda pemeriksaan dan menetapkan markah berdasarkan kriteria-kriteria berikut:



**Bahagian A: Karangan Berdasarkan Bahan Rangsangan
[30 Markah])**

KRITERIA PENSKORAN

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Cemerlang	26 – 30 (28 – 30) (26 – 27)	<u>Tema/ Tugas</u> • Karangan menepati tema bahan rangsangan/ tugas. <u>Idea</u> • Idea relevan dengan tema bahan rangsangan/ tugas. • Huraian jelas dan matang. <u>Bahasa</u> • Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. • Penggunaan kosa kata dan luas dan tepat. • Unsur bahasa yang digunakan bervariasi. • Penggunaan ungkapan menarik yang sesuai dan tepat. • Ejaan yang betul mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu. • Penggunaan tanda baca betul dan tepat. <u>Pengolahan</u> • Pengolahan menarik dan berkesan. • Laras bahasa sesuai mengikut tugas. • Wacana lengkap. • Pemerenggan sesuai. *Ungkapan menarik: peribahasa, pantun, cogan kata, frasa menarik, petikan ucapan, kata-kata hikmat, petikan hadis, maksud ayat Al-Quran dan lain-lain.

Kepujian	20 – 25 (23 – 25) (20 – 22)	<u>Tema/ Tugas</u> • Karangan menepati tema bahan rangsangan/ tugas. <u>Idea</u> • Idea relevan dengan tema bahan rangsangan/ tugas. • Huraian jelas. <u>Bahasa</u> • Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. • Penggunaan kosa kata dan luas. • Unsur bahasa yang digunakan bervariasi. • Ejaan yang betul mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu. • Penggunaan tanda baca betul dan tepat. <u>Pengolahan</u> • Pengolahan menarik. • Laras bahasa sesuai mengikut tugas. • Wacana lengkap. • Pemerenggan sesuai.
Memuaskan	15 – 19 (17 – 19) (15 – 16)	<u>Tema/ Tugas</u> • Karangan masih menepati tema bahan rangsangan/ tugas. <u>Idea</u> • Idea masih relevan dengan tema bahan rangsangan/ tugas. • Huraian masih jelas. <u>Bahasa</u> • Bahasa masih gramatis dari segi kata dan ayat. • Penggunaan kosa kata dan masih luas/ terhad. • Unsur bahasa yang digunakan masih bervariasi. • Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu tetapi terdapat kesalahan ejaan yang ketara. • Penggunaan tanda baca masih betul dan tepat.

		<u>Pengolahan</u> ● Pengolahan masih menarik. ● Laras bahasa masih sesuai mengikut tugas. ● Wacana masih lengkap. ● Pemerenggan masih sesuai.
Penguasaan minimum	10 – 14 (12 – 14) (10 – 11)	<u>Tema/ Tugas</u> ● Karangan kurang menepati tema bahan rangsangan/ tugas. <u>Idea</u> ● Idea kurang relevan dengan tema bahan rangsangan/ tugas. ● Huraian kurang jelas. <u>Bahasa</u> ● Bahasa kurang gramatis dari segi kata dan ayat. ● Kesalahan-kesalahan tatabahasa ketara. ● Penggunaan kosa kata terhad. ● Unsur bahasa yang digunakan kurang bervariasi. ● Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu tetapi terdapat kesalahan ejaan yang ketara. <u>Pengolahan</u> ● Pengolahan kurang menarik. ● Laras bahasa kurang sesuai mengikut tugas. ● Wacana kurang lengkap. ● Pemerenggan kurang sesuai.

Tidak mencapai tahap penguasaan minimum	1 – 9 (6 – 9) (1 – 5)	• Calon tidak menunjukkan penguasaan kemahiran menulis. • Idea tidak menepati tema bahan rangsangan/ tugas. • Banyak kesalahan bahasa dari segi kata dan ayat.

Bahagian B: Karangan Respons Terbuka**[70 Markah]**

KRITERIA	DESKRIPSI
1. BAHASA (Mekanis)	● Kegramatisan – kata (morfologi) – ayat (sintaksis) ● Tanda baca ● Ejaan
2. IDEA (ISI)	● Tema ● Isi utama ● Pengembangan (huraian/ bahasan/ hujahan/ contoh) ● Kerelevanan
3. PENGOLAHAN	● Wacana ● Logik ● Pemerenggan ● Laras/ format
4. GAYA BAHASA	● Keindahan bahasa ● Ungkapan ● Peribahasa

Bahagian B: Karangan Respons Terbuka**[70 Markah]****KRITERIA PENSKORAN**

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Cemerlang	64 – 70 (68 – 70) (64 – 67)	<u>Tugasan</u> • Karangan menjawab tugas. <u>Idea</u> • Idea relevan mengikut tugas. • Huraian jelas dan matang. • Contoh yang sesuai. <u>Bahasa</u> • Penggunaan pelbagai jenis ayat yang gramatis. • Penggunaan pelbagai jenis kata yang luas dan tepat. • Penggunaan kosa kata luas dan tepat. • Ejaan dan tanda baca yang betul. • Penggunaan unsur bahasa bervariasi. • Gaya bahasa amat menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa. <u>Pengolahan</u> • Pengolahan sangat menarik dan berkesan. • Pemerenggan yang sesuai. • Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan. • Laras bahasa sesuai mengikut tugas.

Kepujian	55 – 63 (59 – 63) (55 – 58)	<u>Tugasan</u> • Karangan menjawab tugas. <u>Idea</u> • Idea relevan mengikut tugas. • Huraian jelas. • Contoh yang sesuai. <u>Bahasa</u> • Penggunaan pelbagai jenis ayat yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum. • Penggunaan pelbagai jenis kata yang tepat. • Penggunaan kosa kata luas dan tepat. • Ejaan dan tanda baca yang betul. • Penggunaan unsur bahasa masih bervariasi. • Gaya bahasa menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa. <u>Pengolahan</u> • Pengolahan menarik dan berkesan. • Pemerenggan yang sesuai. • Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan. • Laras bahasa sesuai mengikut tugas.
Baik	45 – 54 (50 – 54) (45 – 49)	<u>Tugasan</u> • Karangan masih menjawab tugas. <u>Idea</u> • Idea masih relevan mengikut tugas. • Huraian masih jelas. • Contoh masih sesuai. <u>Bahasa</u> • Penggunaan pelbagai jenis ayat yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum. • Penggunaan pelbagai jenis kata yang sesuai. • Penggunaan kosa kata umum. • Ejaan dan tanda baca yang masih betul.

		● Penggunaan unsur bahasa masih bervariasi. ● Gaya bahasa menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan. <u>Pengolahan</u> ● Pengolahan masih menarik. ● Pemerenggan masih sesuai. ● Wacana masih lengkap. ● Laras bahasa sesuai mengikut tugas.
Memuaskan	35 – 44 (40 – 44) (35 – 39)	<u>Tugasan</u> ● Karangan masih/ kurang menjawab tugas. <u>Idea</u> ● Idea masih relevan mengikut tugas. ● Huraian kurang jelas. ● Contoh kurang sesuai. <u>Bahasa</u> ● Ayat kurang gramatis. ● Penggunaan pelbagai jenis kata yang terhad. ● Penggunaan kosa kata umum dan terhad. ● Ejaan dan tanda baca yang betul tetapi terdapat kesalahan yang minimum. ● Penggunaan unsur bahasa kurang bervariasi. ● Gaya bahasa kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan. <u>Pengolahan</u> ● Pengolahan kurang menarik. ● Pemerenggan kurang sesuai. ● Wacana masih/ kurang lengkap. ● Laras bahasa kurang sesuai mengikut tugas.

Penguasaan minimum	21 – 34 (28 – 34) (21 – 27)	<u>Tugasan</u> ● Karangan kurang menjawab tugas. <u>Idea</u> ● Idea masih relevan mengikut tugas/bercampur aduk. ● Huraian tidak jelas/ tidak berkembang. ● Contoh yang tidak sesuai. <u>Bahasa</u> ● Ayat tidak gramatis tetapi masih difahami. ● Penggunaan kata kurang tepat. ● Penggunaan kosa kata umum dan terhad. ● Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara. ● Penggunaan unsur bahasa tidak bervariasi. ● Gaya bahasa lemah dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan. <u>Pengolahan</u> ● Pengolahan tidak menarik. ● Pemerenggan tidak sesuai/ tidak seimbang. ● Wacana tidak lengkap.
Tidak mencapai tahap penguasaan minimum	1 – 20 (11 – 20) (1 – 10)	● Keseluruhan karangan sukar/ tidak difahami. ● Idea tidak relevan/ bercampur aduk dan huraian tidak jelas/ tidak berkembang serta contoh tidak sesuai. ● Keseluruhannya menunjukkan penggunaan kata dan ayat yang tidak gramatis. ● Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara. ● Gaya bahasa dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah dan tidak menarik. ● Pengolahan tidak menarik. ● Pemerenggan tidak sesuai dan tidak seimbang. ● Wacana tidak lengkap.

3.0 Cara menanda kesalahan isi, ejaan dan tanda baca:

() = Kesalahan isi

_____ = Kesalahan bahasa, rangkai kata dan perkataan

/
besar (nama khas) = Kesalahan ejaan dan huruf

// = Kesalahan ejaan yang berulang

 = Kesalahan tanda baca

SOALAN BAHAGIAN A (30 MARKAH)

1. Format penulisan komen :

Jumlah perkataan

Peringkat - markah

T - menjawab tugas

I - relevan, huraian jelas

B - gramatis dari segi kata dan ayat, kosa kata luas dan tepat

P - menarik dan berkesan

Petikan dan grafik di bawah menunjukkan maklumat berkaitan dengan amalan rumah terbuka dalam kalangan masyarakat di Malaysia.

*Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang **amalan rumah terbuka dalam kalangan masyarakat di Malaysia.***

2. **Kehendak/tugasan soalan :**

- i. Calon mestilah menghuraikan **manfaat-manfaat amalan rumah terbuka dalam kalangan masyarakat di Malaysia.**
- ii. Calon dikehendaki menjawab berdasarkan maklumat (idea utama) yang diberikan iaitu:
 - mengeratkan perpaduan
 - mengenali budaya kaum lain
- iii. Calon perlu **menyentuh semua bahan sama ada** sebagai idea utama, idea sampingan, contoh, pendahuluan atau kesimpulan.
- iv. Sekiranya calon menyentuh semua bahan dan menambah idea lain berkaitan **manfaat-manfaat amalan rumah terbuka dalam kalangan masyarakat di Malaysia** – diterima dan diperiksa seperti biasa.
- v. Jika calon tidak menyentuh semua bahan – maksimum peringkat **KEPUJIAN**
- vi. Calon yang menulis melebihi 210 patah perkataan atau hingga ayat itu berakhir – maksimum peringkat **KEPUJIAN**
- vii. Calon menulis kurang daripada 140 patah perkataan – maksimum peringkat **MEMUASKAN**
- viii. **Jika calon menulis dalam bentuk poin – maksimum peringkat TIDAK MENCAPAI TAHAP PENGUASAAN MINIMUM (TMTPM)**

SOALAN BAHAGIAN A (70 MARKAH)**1. Format penulisan komen:****Jumlah perkataan****Peringkat - markah****T - menjawab tugas****I - relevan, huraian jelas****B - gramatis dari segi kata dan ayat, kosa kata luas dan tepat****P - menarik dan berkesan****Soalan 1**

SHAH ALAM - Kemahiran bertutur dalam bahasa asing pada masa ini sudah menjadi suatu tarikan kerana mampu meluaskan peluang pekerjaan. Seorang pekerja swasta, Azrey Hendery, 23, berkata, kemahiran ini dapat memberikan peluang kepada individu untuk mendapat lebih banyak kenalan dan mengenali budaya sesuatu kaum dari dalam dan luar negara.

Sumber: www.sinarharian.com.my

Huraikan manfaat-manfaat kemahiran tersebut.

Kehendak soalan/tugasan:

1. Calon dikehendaki **menghuraikan manfaat-manfaat kemahiran bertutur dalam bahasa asing** iaitu:
 - (i) meluaskan peluang pekerjaan
 - (ii) memberikan peluang kepada individu untuk mendapat lebih banyak kenalan
 - (iii) mengenali budaya sesuatu kaum dari dalam dan luar negara

Kemungkinan jawapan:

1. Calon menghuraikan semua idea dalam petikan dan menambah idea-idea lain yang berkaitan ciri – terima seperti biasa.
2. Calon menghuraikan sebahagian idea dalam petikan serta idea-idea lain – maksimum peringkat **KEPUJIAN**.
3. Calon menghuraikan sebahagian idea dalam petikan sahaja – maksimum peringkat **KEPUJIAN**.
4. Calon menghuraikan idea lain tanpa menyentuh idea dalam petikan – maksimum peringkat **BAIK**.

Soalan 2

PUTRAJAYA: Sejumlah 3.59 peratus dalam kalangan murid sekolah direkodkan ponteng sekolah bagi sesi akademik 2023/2024. Jumlah ini bersamaan dengan 182,848 orang murid daripada jumlah keseluruhan murid, iaitu sebanyak 5,093,272 berdasarkan data Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Masalah ponteng sekolah ini berlaku antaranya disebabkan murid bekerja untuk membantu keluarga.

Sumber: Utusan Malaysia

Huraikan punca yang dinyatakan dalam petikan dan punca-punca lain berlakunya masalah tersebut.

Kehendak soalan/tugasan:

1. Calon dikehendaki **menghuraikan punca yang dinyatakan dalam petikan serta punca-punca lain berlakunya masalah tersebut** iaitu:
 - i. murid bekerja untuk membantu keluarga
 - ii. dan idea-idea lain

Kemungkinan jawapan:

1. Calon menghuraikan idea dalam petikan sahaja – maksimum peringkat **KEPUJIAN**.
2. Calon menghuraikan idea luar sahaja – maksimum peringkat **KEPUJIAN**.

Soalan 3

Pada era globalisasi ini, budaya dan warisan Malaysia tidak terkecuali daripada menerima pengaruh luar. Pendedahan kepada filem, muzik dan fesyen melalui platform digital seperti TikTok, YouTube dan Netflix telah memperkenalkan pelbagai budaya asing kepada rakyat Malaysia. Misalnya, trend berfesyen dan budaya makanan dari Barat. Oleh itu, peranan pelbagai pihak amat penting untuk mengekalkan budaya dan warisan Malaysia.

Sumber: www.jendeladbp.dewanbudaya.com

Huraikan peranan-peranan tersebut.

Kehendak/tugasan soalan:

1. Calon dikehendaki **menghuraikan peranan pelbagai pihak untuk mengekalkan budaya dan warisan Malaysia.**

Kemungkinan jawapan:

1. Calon menghuraikan peranan pelbagai pihak tetapi aspek yang sama terima seperti biasa.
 - a. Contoh:
 - i. sekolah mengadakan kempen
 - ii. kerajaan mengadakan kempen
 - iii. pihak swasta mengadakan kempen
2. Calon menghuraikan peranan satu pihak sahaja tetapi pelbagai langkah – maksimum peringkat **KEPUJIAN**.
 - a. Contoh:
 - i. sekolah mengadakan kempen
 - ii. sekolah mengadakan festival kebudayaan
 - iii. sekolah mengadakan sambutan perayaan
3. Calon tidak menyatakan peranan mana-mana pihak / secara umum – maksimum peringkat **BAIK**.
 - a. Contoh:
 - i. mengadakan kempen
 - ii. mengadakan festival kebudayaan
 - iii. mengadakan sambutan perayaan
4. Calon menghuraikan peranan satu pihak dan satu langkah – maksimum peringkat **BAIK**.
 - a. Contoh:
 - i. sekolah mengadakan kempen

Soalan 4

Pelepasan khas cukai pendapatan individu hingga RM1 000 yang diumumkan dalam Belanjawan 2026 ialah usaha kerajaan bagi menggalakkan rakyat melancong dalam negara bersempena dengan Tahun Melawat Malaysia 2026 (TMM2026). Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata bahawa langkah itu mampu merancakkan aktiviti pelancongan tempatan. Walau bagaimanapun, beliau juga melahirkan kebimbangan tentang cabaran untuk merancakkan aktiviti ini, iaitu peningkatan harga penginapan di destinasi popular seperti Langkawi.

www.bharian.com.my

Selain cabaran yang dinyatakan dalam petikan di atas, huraikan cabaran-cabaran lain untuk merancakkan aktiviti tersebut.

Kehendak soalan/tugasan:

1. Calon dikehendaki **menghuraikan cabaran-cabaran untuk merancakkan aktiviti melancong dalam negara kecuali cabaran yang dinyatakan dalam petikan** iaitu:
 - i. peningkatan harga penginapan di destinasi popular

Kemungkinan jawapan:

1. Calon menghuraikan idea dalam dan luar petikan – maksimum peringkat **KEPUJIAN**.
2. Calon menghuraikan idea dalam petikan sahaja – maksimum peringkat **BAIK**.

NOTA:

- Jika calon menulis dalam bentuk poin – maksimum peringkat **TIDAK MENCAPAI TAHAP PENGUASAAN MINIMUM**
- Bilangan perkataan 511 ke atas – maksimum peringkat **KEPUJIAN**
- Bilangan perkataan 339 ke bawah – maksimum peringkat **BAIK**

Perkataan yang dikira sebagai satu patah perkataan

1. Puisi
2. Alamat
3. Tarikh
4. Nama Khas
5. Peribahasa
6. Maksud Hadis / Al-Quran / Kata-kata Tokoh
7. Penanda wacana
8. Tajuk (rencana / surat)
9. Kata Sendi 'di ... (rumah)' dan 'ke ... (sana)'
10. Angka
11. Kata Majmuk

PERATURAN PEMARKAHAN TAMBAHAN TAMAT

MODUL PINTAS TINGKATAN 5 (SET 1)

1103/2 (PP)

BAHASA MELAYU

Kertas 2

Peraturan Pemarkahan



UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

Peraturan Pemarkahan ini mengandungi **14** halaman bercetak.

Markah penuh: 100 markah

BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

Markah penuh 35 markah dan dibahagikan kepada

- Soalan 1 : 8 markah
- Soalan 2 : 6 markah
- Soalan 3 : 10 markah
- Soalan 4 : 5 markah
- Soalan 5 : 6 markah

Perhatian bagi Soalan 1

1. Berikan 1 markah bagi setiap **kata kerja tak transitif** yang betul.
2. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul dan gramatis dengan menggunakan kata kerja tak transitif tersebut.
3. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda baca dengan betul.
4. Sekiranya beberapa kata kerja tak transitif yang telah digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat sahaja.
5. Kata kerja tak transitif yang dinyatakan salah tetapi ayat yang dibina betul, berikan 0 markah.
6. Calon menyalin / meniru keseluruhan ayat daripada petikan atau mana-mana bahagian dalam keseluruhan kertas soalan, berikan 0 markah.
7. Kata kerja tak transitif digunakan sebagai kata ganda, kata nama khas atau peribahasa, berikan 0 markah.
8. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, berikan 0 markah.
9. Maksud ayat tidak jelas, berikan 0 markah.
10. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan / jalan bahasa / tanda baca daripada keseluruhan jawapan.

Soalan 1 – Morfologi

Kata kerja tak transitif

(i) bertanya

1. meminta supaya diberitahu tentang sesuatu kenyataan, keadaan, kedudukan dan sebagainya

(ii) hanyut

1. terbawa oleh arus air, ombak, banjir dan sebagainya
2. menjadi terlalu asyik atau leka dengan sesuatu
3. pergi ke sesuatu tempat kerana mengembara, membawa diri atau membawa untung

(iii) berkenaan

1. ada kaitan dengan
2. tentang
3. bertepatan dengan

(iv) bertanya

1. bertanya tentang sesuatu atau seseorang
2. melamar seseorang

(v) menjadi

1. bekerja atau bertindak sebagai
2. memenangi jawatan atau kedudukan tertentu dalam sesuatu pertandingan, pemilihan dsb.
3. Berubah atau beralih kepada rupa, keadaan, atau bentuk yang lain

(vi) bertunjangkan

1. menggunakan atau menjadikan sesuatu sebagai tunjang atau asas

(vii) kelihatan*

1. nampak jelas dengan mata

*kata ini dikategorikan sebagai kata kerja tak transitif dalam Kamus Dewan Perdana, walaupun lazimnya digolongkan sebagai kata kerja pasif menurut Tatabahasa Dewan.)

[Maksimum: 8 markah]

Soalan 2 – Sintaksis

- | | | |
|-------|---|---|
| (i) | Subjek : seluruh negara | 1 |
| | Predikat : digemparkan dengan insiden yang menyayat hati baru-baru ini | 1 |
| (ii) | Subjek : Anak gajah jantan seberat 700 kilogram yang berusia kira-kira lima tahun itu | 1 |
| | Predikat : tersepit di bawah lori muatan ayam semasa melintas jalan | 1 |
| (iii) | Subjek : paparan kejadian tragis ini | 1 |
| | Predikat : telah disiarkan secara meluas di dada akhbar dan juga media sosial | 1 |

[Maksimum: 6 markah]



Soalan 3 – Penyuntingan

- | | |
|--|-------------------------------|
| (i) golongan muda ceburi | - diceburi oleh golongan muda |
| (ii) pengembangan | - perkembangan |
| (iii) Antara keistimewaan-keistimewaan | - Antara keistimewaan |
| (iv) di kalangan | - dalam kalangan |
| (v) terus | - langsung |
| (vi) permohonan | - permintaan |
| (vii) mapan | - mampan |
| (viii) adalah | - ialah |
| (ix) menyakinkan | - meyakinkan |
| (x) relaven | - relevan |
| (xi) di antara | - antara |

[Maksimum: 10 markah]

Panduan pemarkahan menukarkan bahasa Melayu klasik kepada bahasa Melayu standard bagi Soalan 4

Deskripsi	Markah
	5
Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat gramatis	5
Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat <i>masih</i> gramatis	4
Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat <i>kurang</i> gramatis	3
Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat gramatis	
Isi cukup, mengikut urutan dan ayat <i>kurang</i> gramatis	2
Isi tidak cukup, mengikut urutan dan <i>kurang</i> gramatis	
Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat <i>tidak</i> gramatis	1
Ayat disalin bulat-bulat	0
Isi tidak mengikut urutan	

Soalan 4 – Bahasa Melayu Standard

Paduka Bubunnya sangat marah; baginda sendiri yang mahu menyerang Melaka. Ada /Terdapat seorang anak Paduka Bubunnya, namanya ialah Cau Pandan. Dia memberitahu Ke Bawah Duli Paduka Bubunnya bahawa dia mahu menyerang Melaka, sembahnya “Duli Pra Cau, lengkapi/persiapkan patik, patik akan mengalahkan Melaka.”

Paduka Bubunnya sangat suka/gembira/seronok apabila mendengar sembah/kata-kata Cau Pandan. Baginda memerintahkan/menyuruh Pra Kelong bersiap sedia dengan lapan ratus buah kapal/perahu besar, selain perahu kecil yang tidak terkira banyaknya/jumlahnya, hanya menanti/menunggu tibanya musimnya/musim untuk berlayar.

[Maksimum: 5 markah]

Soalan 5 – Peribahasa**Peribahasa yang sama maksud**

- (i) **air dicencang tiada putus** [1 + 1]
- carik-carik bulu ayam, lama-lama bercantum juga
 - biduk lalu kiambang bertaut
 - air ditetak tiadakan putus
 - berkelahi di hujung batang, berbaik di pangkal batang
 - sekali perahu lalu, sekali kiambang berkuak
- (ii) **menepuk air di dulang terpercik ke muka sendiri** [1 + 1]
- meraih pekung ke dada
 - membuka pekung di dada
- (iii) **bukit sama didaki, lurah sama dituruni** [1 + 1]
- seperti telur dua sebandung, pecah satu pecah keduanya
 - telur sesangkak, pecah satu pecah semua
 - berkuah sama menghirup, bersambal sama mencolek

(Peribahasa lain yang sama maksud boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum : 6 markah]

BAHAGIAN B : PEMAHAMAN

Markah penuh 35 markah dibahagikan kepada:

Soalan 6 : 13 markah

Soalan 7 : 12 markah

Soalan 8 : 10 markah

Perhatian bagi soalan 6, 7 dan 8

1. Jawapan hendaklah menggunakan ayat anda sendiri.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap/sepurna.
3. Jawapan bagi soalan 8 hendaklah berdasarkan mana-mana novel yang dipelajari.
4. Jika disalin bulat-bulat daripada teks dan jawapan itu betul, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman**1. Soalan 2 markah: Pemahaman berdasarkan teks dan novel**

DESKRIPSI	MARKAH
Jawapan tepat mengikut konteks/ isi cukup/ ayat gramatis	2
Jawapan tepat mengikut konteks/ isi cukup/ ayat tidak gramatis	1
Jawapan kurang tepat / isi tidak cukup	
Jawapan salah	0

2. Soalan 3 markah: Pemahaman berdasarkan teks dan unsur KBAT

DESKRIPSI	MARKAH
Isi cukup (2 isi) / menyentuh semua bahan/ relevan dengan tugas / ayat gramatis	3
Isi cukup (2 isi) / menyentuh semua bahan/ relevan dengan tugas/ ayat <i>kurang</i> gramatis	2
Isi tidak cukup (1 isi) / menyentuh semua bahan/ ayat gramatis	
Isi tidak cukup (1 isi) / tidak menyentuh semua bahan	1
Jawapan salah	0

3. Soalan 4 markah: Pemahaman berdasarkan teks, unsur KBAT dan novel

DESKRIPSI	MARKAH
Isi cukup (3 isi) / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas / ayat gramatis	4
Isi cukup (3 isi) / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas / ayat <i>kurang</i> gramatis	3
Isi tidak cukup (2 isi) / menyentuh semua bahan/ relevan dengan tugas/ ayat gramatis	
Isi tidak cukup (2 isi) / menyentuh semua bahan/ relevan dengan tugas/ ayat <i>kurang</i> gramatis	2
Isi tidak cukup (1 isi) / tidak menyentuh semua bahan/ ayat gramatis	
Isi tidak cukup (1 isi) / tidak menyentuh semua bahan/ ayat <i>kurang</i> gramatis	1
Jawapan salah	0

Soalan 6 – Pemahaman Petikan Umum**(i) Maksud *tumpuan yang melampau***

- perhatian/sasaran yang berlebihan/keterlaluan 2
- perhatian/sasaran yang *melampau* 1
- *tumpuan* yang berlebihan/keterlaluan 1

[Maksimum : 2 markah]**(ii) Akibat-akibat ketagihan permainan dalam talian****Bahan 1**

- P1 (boleh) menjejaskan kesihatan seseorang secara serius
- P2 (pastinya) memudaratkan kesihatan mental
- P3 (akan) mengurangkan keupayaan seseorang untuk berinteraksi secara sosial

Bahan 2

- P4 menyebabkan prestasi akademik mereka merosot
- P5 kerap mengalami tekanan

Bahan 3

- P6 bil telefon (saya) semakin meningkat (akhir-akhir ini)

Nota : Jawapan calon mestilah berdasarkan semua bahan.**[Maksimum : 4 markah]****[Isi cukup : 3 isi]****(iii) Peranan ibu bapa untuk mengatasi masalah ini (buli siber)**

- P1 melakukan pemantauan aktiviti anak-anak dalam permainan yang diakses
- P2 menetapkan had masa penggunaan peranti
- P3 memberi pendidikan tentang etika digital
- P4 menggunakan kawalan ibu bapa (*parental control*)
- P5 menunjukkan sikap berhemah ketika bermain

(Peranan ibu bapa yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)**[Maksimum : 3 markah]****[Isi cukup : 2 isi]****(iv) Cara-cara saya mengatasi masalah tersebut (kelihatan letih, tidak fokus di dalam kelas dan keputusan ujiannya semakin merosot)**

- P1 menyusun jadual harian yang seimbang antara akademik dan hobi
- P2 menetapkan had masa skrin bagi mengawal tempoh permainan
- P3 mendahulukan kerja sekolah sebelum memulakan latihan e-sukan
- P4 memastikan waktu tidur yang cukup dan berkualiti
- P5 meminta bantuan daripada guru/ibu bapa
- P6 mengikuti kelas tambahan/tuisyen

(Cadangan yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)**[Maksimum : 4 markah]****[Isi cukup : 3 isi]**

Soalan 7 – Pemahaman Petikan Sastera**(i) Harapan Pak Itam terhadap anak-anaknya**

- P1 Izwan dan Nuryani Iman menjadi srikandi bangsa yang bertakwa
P2 menjadi anak-anak yang soleh

[Maksimum : 2 markah]**[Isi cukup : 2 isi]****(ii) Penderitaan yang dihadapi oleh seorang bapa apabila diabaikan dan ditinggalkan oleh anak-anak****Bahan 1**

- P1 kemejanya kotor dan seluarnya rabak
P2 menunggu sisa makanan dari restoran mamak

Bahan 2

- P3 air jernih yang sudah lama terkunang-kunang di tubir matanya, jatuh juga ke pipi
P4 merenung orang-orang kesayangannya yang kian jauh
P5 kian mengecil meninggalkannya
P6 rindu yang terpahat di hatinya tidak pernah luak, tidak pernah menipis

Nota : Jawapan calon mestilah berdasarkan semua bahan.**[Maksimum : 3 markah]****[Isi cukup : 2 isi]****(iii) Cara anak-anak menjaga perasaan mereka (ibu bapa)**

- P1 bertutur dengan bahasa yang sopan
P2 menghormati dan mematuhi nasihat ibu bapa
P3 meluangkan masa yang berkualiti dengan ibu bapa
P4 menjaga tingkah laku dan peribadi
P5 membantu ibu bapa dalam urusan harian
P6 mendoakan kesejahteraan ibu bapa

(Cara yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)**[Maksimum : 3 markah]****[Isi cukup : 2 isi]****(iv) Langkah-langkah yang boleh saya lakukan untuk memulihkan hubungan tersebut (hubungan anak-anak dengan ibu bapa menjadi renggang)**

- P1 mengakui kesalahan dengan jujur
P2 memohon maaf secara ikhlas
P3 mengubah sikap dan tingkah laku
P4 mendengar nasihat ibu bapa dengan terbuka
P5 meningkatkan usaha dalam pelajaran/ memperoleh pencapaian cemerlang

(Langkah yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)**[Maksimum : 4 markah]****[Isi cukup : 3 isi]**

Soalan 8 – Novel

(i) Keistimewaan-keistimewaan Bandar Raya Kuching

- P1 dinobatkan sebagai bandar dalam taman
- P2 bersih, cantik dan aman
- P3 bandar selamat menurut pengisytiharan anugerah daripada Perikatan Bandar Sihat Sedunia sebanyak dua kali
- P4 nama jalan menggunakan nama-nama pembesar negeri

Nota: Perlu disalin bulat-bulat daripada petikan

[Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]

Panduan pemarkahan bagi soalan 8 (ii)

(ii) Jawapan soalan novel

- (a) Jawapan berdasarkan **dua** buah novel yang dipelajari.
- (b) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
- (c) Beri 1 markah bagi setiap **isi** yang betul.
- (d) Bagi 1 markah bagi huraian/contoh yang lengkap/jelas bagi setiap isi. Huraian calon sama ada secara umum atau ada nama watak juga diperiksa seperti biasa.
- (e) Markah isi maksimum 4 markah (1 markah bagi pernyataan isi dan 1 markah huraian/contoh).
- (f) Markah bahasa maksimum 2 markah.
- (g) Markah bahasa diberi secara gambaran menyeluruh.
Baik : 2 markah
Lemah : 1 markah
- (h) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa.
- (i) Calon tidak menjawab 0 markah.
- (j) Jika calon hanya menulis nama novel dan pengarang sahaja, berikan 0 markah.
- (k) Calon boleh memilih mana-mana 2 buah novel daripada 8 buah novel yang disenaraikan.



SERTAI TELEGRAM @exercise_students

Peristiwa yang menyedihkan dan sebab-sebab peristiwa tersebut boleh menimbulkan perasaan simpati pembaca bagi setiap novel.

Leftenan Adnan Wira Bangsa

1. **Peristiwa:** Leftenan Adnan dikepung, ditangkap dan diseret dalam guni sebelum digantung pada pokok ceri. Selepas itu, Leftenan Renya Mutuguchi menyiksa Adnan sehingga pengsan dan apabila sedar, Leftenan Adnan disiksa lagi sehinggalah Adnan mati ditikam perutnya dengan bayonet.

Huraian: Peristiwa tersebut boleh menimbulkan perasaan simpati pembaca kerana nasib seorang askar atau pejuang yang tubuhnya disiksa oleh penjajah sehingga meninggal dunia.

2. **Peristiwa:** Kematian Mak Milah, isteri Pak Saidi yang kehilangan dua orang anak dalam masa seminggu, iaitu Ahmad dan Adnan. Pak Saidi reda menerima ujian itu kerana baginya Allah memberikan ujian untuk meningkatkan keimanan dan ketakwaan setiap hambanya.

Huraian: Peristiwa tersebut boleh menimbulkan perasaan simpati pembaca kerana kehilangan ahli keluarga secara berturut-turut dalam jangka masa yang singkat.

3. **Peristiwa:** Pak Saidi yang melawan dan menikam tentera Jepun dengan hanya menggunakan sebilah keris sedangkan tentera Jepun tersebut ramai dan bersenapang. Pak Saidi membunuh lima orang dan mencederakan 15 orang tentera Jepun yang lain semasa dia dipaksa menaiki trak oleh Leftenan Renya Mutuguchi.

Huraian: Peristiwa tersebut boleh menimbulkan perasaan simpati pembaca kerana seorang lelaki tua terpaksa berjuang sendirian untuk melawan askar Jepun yang ramai.

4. **Peristiwa:** Kematian Sophia yang menghidap penyakit leukemia. Setelah empat tahun hidup bahagia bersama Ustaz Ridwan, Sophia telah disahkan menghidapi penyakit leukemia tahap kritikal. Rambutnya gugur dan badannya menjadi semakin kurus. Namun, semangatnya tetap kuat untuk melawan kesakitan itu.

Huraian: Peristiwa tersebut boleh menimbulkan perasaan simpati pembaca kerana kebahagiaan hidup yang dinikmati oleh seorang wanita hanya dalam jangka masa yang agak singkat kerana penyakit yang dihadapi.

5. **Peristiwa:** Penduduk Tanah Melayu yang hidup sengsara akibat kekurangan makanan semasa pendudukan Jepun di Tanah Melayu. Mereka tidak dapat pergi bekerja atau keluar rumah kerana takut akan tentera Jepun yang sering bertindak kejam. Mereka hanya makan nasi yang dicampur ubi rebus dan berlaukkan pisang.

Huraian: Peristiwa tersebut boleh menimbulkan perasaan simpati pembaca kerana penduduk Tanah Melayu yang tidak cukup makan dan tiada kebebasan untuk ke mana-mana semasa pendudukan Jepun.

Nota: Peristiwa-peristiwa lain boleh diterima sekiranya sesuai.

Tirani

1. **Peristiwa:** Waheeda sering menerima layanan negatif dan hinaan daripada rakan-rakan sewaktu zaman sekolahnya seperti Si Nuar dan Mat Gusi kerana rupa parasnya yang dianggap tidak menarik. Wajah Waheeda digambarkan sebagai memiliki hidung yang pesek. Waheeda sering menangis dan berasa rendah diri kerana ejekan tersebut.

Huraian: Peristiwa tersebut boleh menimbulkan perasaan simpati pembaca kerana ejekan rakan-rakan menyebabkan seorang kanak-kanak berasa rendah diri kerana wajah yang tidak cantik.

2. **Peristiwa:** Waheeda bersalin tanpa ditemani dan dilawati oleh Zahid. Waheeda hanya ditemani oleh ibunya, Raidah. Zahid tidak menghiraukan Waheeda yang sedang berjuang untuk melahirkan bayi mereka di Hospital Pakar Normah.

Huraian: Peristiwa tersebut boleh menimbulkan perasaan simpati pembaca kerana nasib seorang isteri yang tidak ditemani dan dilawati oleh suami semasa bersalin.

3. **Peristiwa:** Waheeda diceraikan oleh Zahid dengan talak satu di hadapan ibu dan ayah Waheeda. Zahid tidak berpuas hati dengan wajah bayi mereka yang baru dilahirkan. Bayi mereka tidak mewarisi kecantikan wajah Waheeda sebaliknya lebih mirip wajah asal Waheeda sebelum pembedahan.

Huraian: Peristiwa tersebut boleh menimbulkan perasaan simpati pembaca kerana seorang isteri diceraikan oleh suami kerana wajah bayi tidak menyerupai wajah isterinya.

4. **Peristiwa:** Waheeda terpaksa menceritakan konflik diri dengan keluarganya yang menganggap pembedahan plastik pada mukanya adalah bertentangan dengan hukum agama. Atas alasan tersebut, Waheeda mengambil keputusan untuk melakukan pembedahan di Singapura walaupun kosnya agak mahal berbanding di Malaysia ketika ditanya oleh Doktor Zahari, Doktor Rushdi dan Bazilah.

Huraian: Peristiwa tersebut boleh menimbulkan perasaan simpati pembaca kerana seorang wanita terpaksa meluahkan masalahnya kepada orang lain dan mengeluarkan kos yang tinggi untuk menjalani pembedahan plastik di negara lain.

5. **Peristiwa:** Waheeda dicemburui oleh Bazilah. Waheeda tersepit dalam suasana serba salah apabila kemesraan Doktor Zahari terhadapnya yang semakin kerap mengunjungi kediaman Bazilah. Waheeda terpaksa melayan Doktor Zahari di ruang tamu kerana Bazilah sibuk menelaah dan sering memerap di dalam bilik untuk menyiapkan kajian dan bahan tesisnya. Bazilah berasa cemburu terhadap kemesraan. Hal ini menyebabkan hubungan Waheeda dan Bazilah menjadi renggang.

Huraian: Peristiwa tersebut boleh menimbulkan perasaan simpati pembaca kerana hubungan dua orang sahabat akrab menjadi renggang akibat seorang lelaki.

Nota: Peristiwa-peristiwa lain boleh diterima sekiranya sesuai.

BAHAGIAN C : RUMUSAN**[30 markah]****Soalan 9**

Markah penuh **30** dibahagikan kepada:

(a) Isi - **20 markah**

(b) Bahasa - **10 markah**

(a) **Isi [20 markah]**

Nota

- (i) Panduan mengira perkataan
 - tarikh
 - gelaran
 - nama khas
 - penanda wacana
 - peribahasa/pantun
 - perkataan berganda
 - angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
 - penggunaan kata depan *di* dan *ke* **tidak dikira** sebagai satu perkataan
- (ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja sebelum diperiksa.
- (iii) Periksa jawapan calon setakat **120 perkataan** sahaja, yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.
- (iv) Berikan 2 markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.
- (v) Calon perlu mengambil sekurang-kurang 1 isi daripada setiap fokus dan daripada setiap bahan.
- (vi) Jumlah isi maksimum yang diterima daripada **semua fokus** dan **semua bahan** ialah 8 isi yang lengkap sahaja.

(b) Bahasa [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tidak bergantung pada markah isi tetapi dinilai secara holistik.

PERINGKAT	MARKAH BAHASA	KRITERIA
Cemerlang	8 – 10 markah	• Kesenambungan ayat yang <i>sangat</i> baik • Bahasa <i>sangat</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan rumi baharu • Penggunaan kosa kata luas dan tepat • Pengolahan <i>sangat</i> menarik dan berkesan
Baik	5 – 7 markah	• Kesenambungan ayat baik • Bahasa <i>masih</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan rumi baharu • Penggunaan kosa kata <i>masih</i> luas dan tepat • Pengolahan <i>masih</i> menarik dan berkesan
Sederhana	3 – 4 markah	• Kesenambungan ayat <i>kurang</i> baik • Bahasa <i>kurang</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan rumi baharu • Penggunaan kosa kata <i>kurang</i> luas dan tepat • Pengolahan <i>kurang</i> menarik dan berkesan
Lemah	1 – 2 markah	• Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan / tidak memuaskan / kurang atau tidak difahami

Nota:

- Jika menjawab dalam bentuk poin/ fakta markah bahasa ialah pada peringkat lemah.
- Markah **isi** merangkumi pendahuluan, isi dan kesimpulan.
- Jika calon memperoleh markah isi 6 markah ke atas, markah bahasa dinilai seperti biasa. (rujuk jadual)
- Jika markah isi 5 markah ke bawah tetapi bahasa *sangat baik*, markah maksimum bahasa ialah 5 markah.
- Jika disalin **bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah perkataan kurang 120 patah perkataan, beri 0 markah bahasa.
- Jika rumusan kurang daripada 120 patah perkataan, markah bahasa dinilai seperti biasa.
- Jika calon menulis setiap perenggan isi yang fokusnya salah atau tidak menulis fokus, berikan 0 markah bagi isi pertama sahaja. Isi seterusnya diperiksa seperti biasa.
- Isi diberi markah seperti biasa walaupun bercampur dengan fokus yang lain.
- Kesimpulan hanya merujuk kepada tema sahaja.

[Maksimum : 10 markah]

Pendahuluan [2 markah]

- P1 ... membincangkan punca-punca/ sebab-sebab/ faktor-faktor Malaysia menjadi destinasi pelancongan kesihatan dan langkah-langkah/usaha-usaha/cara-cara untuk memajukan pelancongan kesihatan di Malaysia, 2
- P2 ... membincangkan punca-punca/ sebab-sebab/ faktor-faktor Malaysia menjadi destinasi pelancongan kesihatan 1
- P3 ... membincangkan langkah-langkah /usaha-usaha /cara-cara untuk memajukan pelancongan kesihatan di Malaysia. 1

Isi [16 markah]

FOKUS 1: punca-punca/sebab-sebab/faktor-faktor Malaysia menjadi destinasi pelancongan kesihatan

Bahan 1

- A1 kos rawatan perubatan yang lebih rendah berbanding negara maju 2
- A2 Malaysia mampu menyediakan perkhidmatan kesihatan yang berkualiti 2
- A3 mempunyai doktor pakar yang terlatih sama ada di hospital kerajaan mahupun swasta yang setanding dengan standard antarabangsa 2
- A4 hospital di negara ini juga dilengkapi dengan teknologi perubatan moden 2
- A5 kemudahan sokongan yang efisien dan kondusif 2
- A6 keadaan politik yang stabil 2
- A7 masyarakat yang mesra pelancong 2

Bahan 2

- B1 caj rawatan yang murah 2

FOKUS 2: langkah-langkah/ usaha-usaha/ cara-cara memajukan pelancongan kesihatan di Malaysia

Bahan 1

- C1 pihak kerajaan telah menambah baik mutu perkhidmatan di hospital 2
- C2 program latihan yang berterusan kepada kakitangan perubatan 2
- C3 pihak kerajaan perlu mempergiat promosi pada peringkat antarabangsa 2

Bahan 2

- D1 promosi pakej pelancongan kesihatan yang berterusan daripada pihak kerajaan 2

Bahan 3

- E1 kerjasama antara pihak kerajaan dengan pihak swasta 2

Kesimpulan [2 markah]

- K1 Kesimpulannya, pelancongan kesihatan perlulah dipertingkatkan agar dapat memajukan ekonomi negara. 2
- K2 Kesimpulannya, pelancongan kesihatan perlulah dipertingkatkan. 1

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT